

Isu-Isu Syariah di dalam Produk Al-Rahn di Perbankan Islam di Malaysia

Siti Hazirah Che Harun, Nor Fahimah Mohd Razif *

*Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia*

Pengarang Penghubung*
norfahimah@um.edu.my

Received: 21 June 2021

Accepted: 12 November 2021

Online First: 22 November 2021

ABSTRAK

Al-rahm merupakan antara kontrak yang digunapakai dalam produk pembiayaan Islam bagi membantu individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana memperolehi wang dengan segera dan mudah. Para fuqaha' telah bersepakat bahawa hukum kontrak pajak gadai (al-rahm) adalah diharuskan berdasarkan dalil-dalil al Quran dan Sunnah. Bertitik tolak daripada dalil keharusan yang berbentuk umum, maka aplikasi kontrak al rahn di Malaysia adalah berbentuk hibrid di mana terdapat gabungan beberapa kontrak Islam yang lain dalam satu produk pembiayaan iaitu al-qard al-hasan (pinjaman tanpa faedah), al-rahm (cagaran) al-wadiah (simpanan) dan al-ujrah (upah simpan) seperti yang diamalkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia. Namun begitu, pada tahun 2019 Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia(BNM) memutuskan bahawa produk pembiayaan yang diamalkan oleh perbankan Islam Malaysia adalah tidak memenuhi keperluan syariah yang ditetapkan. Keputusan ini telah memberi implikasi besar terhadap operasi perbankan Islam di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini meneliti isu-isu syariah yang berbangkit daripada produk pembiayaan al-rahm yang sedia ada dan seterusnya isu-isu tersebut akan dianalisis dari perspektif fiqh. Bagi mencapai tujuan tersebut, kajian berbentuk kualitatif dipilih dengan mengumpulkan data-data secara kaedah



perpustakaan dan seterusnya data yang diperolehi akan dianalisis melalui analisis kandungan iaitu dengan menganalisis isu-isu Syariah dalam al-rahm berdasarkan keputusan BNM. Hasil kajian mendapati selain daripada isu syariah yang ditimbulkan oleh BNM iaitu isu keterikatan setiap kontrak dan isu penggabungan kontrak, terdapat isu Syariah lain iaitu isu caj upah simpan lebih dari kos sebenar dan isu memanfaatkan marhun yang timbul daripada produk pembiayaan al-rahm sedia ada.

Kata kunci: *Pajak Gadai, Al-Rahn, Isu-Isu Syariah, Patuh Syariah*

Shariah Issues of Al-Rahn Product in Islamic Banking in Malaysia

ABSTRACT

Al-rahm is one of the contracts used in Islamic financing products to help the community as well as Small and Medium Enterprises earn money quickly and easily compared to other financing products. The fuqaha 'have agreed that the law of pawn contracts (al-rahm) is obligatory based on the arguments of the Qur'an and Sunnah. Based on the general necessity, the application of al-rahm contract in Malaysia is a hybrid where there is a combination of several other Islamic contracts in one financing product, namely al-qard al-hasan (interest-free loan), al-rahm (collateral) al-wadiah (savings) and al-ujrah (savings wages) as practiced by Islamic financial institutions in Malaysia. However, in 2019, the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia decided that the financing products practiced by Malaysian Islamic banking did not meet the prescribed Shariah requirements. This decision has major implications for Islamic banking operations in Malaysia. Accordingly, this study examines the Shariah issues arising from the existing al-rahm financing products and subsequently those issues will be analysed from the perspective of fiqh. To achieve this goal, a qualitative study is selected by collecting data by library method and then the data obtained will be analysed through content analysis to analyse Shariah issues in al-rahm based on the results of BNM. The results of the study found apart from the Shariah issues raised by Bank Negara namely the inter-conditionality and interdependency of each contract and conflict in the essence of the combined contracts, there are other Shariah issues,

namely the issue of custodial fee charges more than the actual cost and the issue of benefitting the marhun from existing al-rahm financing products.

Keywords: *pawnshop, al-rahm, shariah issues, shariah compliant*

PENDAHULUAN

Modal sama ada berbentuk wang atau bukan wang merupakan elemen penting kepada setiap individu, firma, entiti perniagaan mahupun kerajaan dalam memulakan perniagaan dan pelaburan. Kebanyakan entiti perniagaan dan perusahaan besar boleh mendapatkan modal melalui pinjaman daripada bank melalui pelbagai jenis pembiayaan kerana entiti sedemikian mempunyai prestasi kewangan yang stabil dan diiktiraf kedudukannya dalam pasaran. Sebaliknya, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengalami kekangan dalam mendapatkan modal lantaran perusahaan sebegini tidak mempunyai rekod aliran tunai yang meyakinkan kerana baru memulakan perniagaan. Oleh yang demikian, produk pembiayaan *al-rahm* merupakan alternatif terbaik bagi PKS. Sistem gadaian atau lebih dikenali sebagai *al-rahm* hakikatnya telah lama dikenali dan dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat kita dan berkembang maju sehingga masa kini. Sistem pajak gadai ini telah dikesan seawal 3000 tahun yang lalu di China. Institusi kewangan tertua ini turut dikesan dalam sejarah ketamadunan awal Yunani dan Rom (Bhatt dan Sinnakannu, 2008). Sistem ini mula diperkenalkan di Malaysia melalui pedagang China yang berhijrah ke Tanah Melayu pada zaman Kesultanan Melayu Melaka pada awal kurun ke 15 dan berkembang maju sehingga ke zaman pemerintahan Inggeris (Nur Azura & Mohamad Shukri, 2006).

Walau bagaimanapun, monopoli perniagaan pajak gadai oleh masyarakat Cina sejak zaman pemerintahan British di negara ini menyebabkan perniagaan ini mengandungi unsur tidak patuh Syariah seperti riba (Mu'min, 1996). Bukan sahaja perniagaan pajak gadai, malahan perniagaan lain turut dipelopori oleh masyarakat bukan Islam. Keadaan ini menyebabkan sebahagian besar umat Islam terdedah kepada amalan riba sejak beberapa abad yang lalu. Institusi-institusi riba terus berkembang dan berleluasa dengan penguasaan ekonomi dunia oleh kuasa-kuasa besar yang berfahaman kapitalis. Ketiadaan institusi Islam dan kekurangan ilmu

menyebabkan masyarakat Islam terpaksa berurusan dengan sistem ekonomi konvensional yang berasaskan riba. Lebih buruk lagi, terdapat dakwaan daripada pendukung fahaman sekularisme yang mengatakan bahawa ekonomi sesebuah negara akan mundur dan jumud sekiranya tidak didokong dengan sistem berasaskan riba (Mustafa Dakian, 2005).

Berpegang kepada kefahaman bahawa Muslim dilarang melibatkan diri dalam kegiatan yang bertentangan dengan syarak, maka para ilmuwan Islam telah bangkit berfikir, mengkaji dan mencari jalan untuk menggantikan sistem kehidupan kapitalis dengan sistem yang selari dengan tuntutan agama Islam (Noor & Zulkafli, 2008). Selain itu, evolusi kewangan Islam yang bermula era 60-an sedikit sebanyak membuka peluang kepada kewujudan sistem pajak gadai Islam sebagai alternatif kepada pajak gadai konvensional. Bermula seawal tahun 1992, beberapa pihak swasta dan kerajaan mula mengambil langkah memperkenalkan pajak gadai Islam. Bermula seawal tahun 1992, beberapa pihak swasta dan kerajaan mula mengambil langkah memperkenalkan sistem pajak gadai Islam masing-masing. Sehingga Berdasarkan data yang diperolehi daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), sehingga penghujung tahun 2019, terdapat 571 buah pemegang pajak gadai yang beroperasi di seluruh Malaysia.

LATAR BELAKANG

Institusi pajak gadai Islam yang pertama telah ditubuhkan di Malaysia ialah Muassasah Gadaian Islam Terengganu yang mula beroperasi pada 23 Januari 1992, dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Terengganu. Seterusnya Perbadanan Kemajuan Iktisad Kelantan melalui anak syarikatnya, Permodalan Kelantan Berhad menubuhkan Kedai Ar-Rahnu yang mula beroperasi pada Mac 1992 dengan modal awal RM2 juta. Manakala bagi institusi kewangan pula, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat) menawarkan produk *al-rahnu* bermula 23 Oktober 1995 dan seterusnya Bank Islam yang bermula pada tahun 1997 di bawah pembiayaan dan kerjasama dengan Yayasan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). Satu-satunya koperasi yang menjalankan sistem *al-rahnu* ialah Koperasi Pengguna Pahang Berhad yang mula beroperasi pada 1 Jun 1996. (Sabri Ahmad, 2009; Kamarulzaman Sulaiman, 2013).

Dari segi perundangan, insitisi pajak gadai Islam di Malaysia adalah tertakluk kepada salah satu peruntukan undang-undang iaitu Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) atau Akta Pekhidmatan Kewangan Islam 2013. Pajak gadai Islam di Malaysia boleh dibahagikan kepada dua bentuk peruntukan undang-undang yang perlu dipatuhi iaitu Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akta 81) yang terdiri daripada Muassasah Gadaian Islam Terengganu, beberapa badan pergerakan koperasi dan kerajaan negeri yang telah mula menceburkan diri seperti Kerajaan Perlis yang telah menubuhkan pajak gadai Islam pada Januari 1997. Selain itu, Koperasi Pengguna Pahang Berhad, Koperasi Gabungan Pekebun Kecil Perak Berhad dan Koperasi Pegawai-Pegawai Kerajaan Negeri Kedah Dan Badan-Badan Berkanun Terengganu. Manakala *al-rah*n yang dilaksanakan di institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia adalah di bawah pengawasan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia iaitu Akta Pekhidmatan Kewangan Islam 2013.

Sistem pajak gadai Islam ini ditubuhkan atas dasar fardhu kifayah dan bukan atas dasar keuntungan semata-mata, ianya bertujuan untuk memberi pilihan kepada masyarakat Islam dan anggota-anggota koperasi khususnya dalam mengatasi masalah kewangan. Dengan ini, mereka yang memerlukan pinjaman segera tidak lagi terbelenggu dengan sistem pajak gadai sedia ada konvensional yang lebih bersifat menekan dan menindas. Tambahan pula, kemudahan ini selaras dengan dasar dan prinsip perjalanan sistem berkoperasi, tolong-menolong dan bantu-membantu antara satu sama lain. Justeru menjadi tanggungjawab para sarjana Islam untuk memastikan produk *al-rah*n yang ditawarkan adalah patuh syariah dengan merujuk kepada sumber wahyu di samping sumber-sumber dan kaedah-kaedah Islam yang lain.

Namun begitu, Pada 31 Julai 2019, Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia telah memutuskan bahawa struktur semasa produk *al-rah*n yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam (IKI) berasaskan gabungan kontrak *qard* (pinjaman), *al-rah*n (cagaran), *wadi`ah* (simpanan) dan *ujrah* (upah simpan) tidak memenuhi keperluan Syariah yang ditetapkan dalam Dokumen Polisi *Rahn* berdasarkan hujah-hujah berikut:

Keberkaitan dan kebergantungan kontrak *rah*n, *wadi`ah* dan *ujrah* dengan kontrak *qard* dalam struktur produk ini menimbulkan isu *qard jarra*

naḥʿan (pinjaman yang menjana manfaat kepada pemberi pinjam) dan *bai` wa salaf* (gabungan kontrak jual beli dan pinjaman) yang tidak dibenarkan syarak. Selain itu, Kombinasi *rahn* dan *qard* dalam produk *al-rahn* bagi menjana keuntungan tidak menepati objektif kontrak (*muqtada` aqd*) *rahn* dan *qard* memandangkan objektif asal kedua-dua kontrak adalah untuk cagaran dan kebajikan (*charity*). Rentetan daripada isu-isu syariah di atas, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia memutuskan bahawa produk *al-rahn* yang ditawarkan di perbankan Islam adalah tidak patuh syariah. Maka perbankan Islam telah diarahkan untuk melihat semula produk *al-rahn* agar benar-benar menepati polisi dokumen *al-rahn* yang berkuatkuasa pada 1 Februari 2020.

Isu ini memberi impak yang besar kepada perbankan-perbankan Islam yang menawarkan produk *al-rahn* di mana produk *al-rahn* ini akan memberi keraguan kepada pelanggan-pelanggan mereka sekaligus menjejaskan permintaan terhadap produk ini, sehinggakan terdapat perbankan Islam yang menawarkan produk *al-rahn* sebelum ini terpaksa memberhentikan penawarannya. Tambahan pula, masyarakat terutama sekali PKS yang hanya bergantung pada produk *al-rahn* sebagai sumber modal perniagaan mereka ini juga akan meragui akan status ketidakpatuhan syariah di dalam produk *al-rahn*. Justeru, kajian ini dapat membantu mereka membuat pilihan yang tepat dalam menguruskan kontrak muamalat dan memberi penjelasan serta pendedahan yang sebenar kepada mereka berkaitan isu-isu syariah dalam muamalat kerana masih wujud kefahaman yang rendah tentang konsep ini di kalangan masyarakat Islam.

HUKUM DAN ASAS PENSYARIATAN AL-RAHN

Amalan gadaian telah wujud pada zaman Rasulullah s.a.w sebagaimana yang tercatat melalui hadis yang bermaksud:

“Dari Aisyah r.a yang bermaksud Nabi s.a.w pernah membeli makanan dari seorang yahudi dengan harga yang di hutang. Sebagai tanggungan atas hutangnya itu Nabi s.a.w menyerahkan baju besinya.” (Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim).

*Al-rah*n pada asalnya diperlukan sebagai kontrak sokongan kepada kontrak hutang. Dalam erti kata lain, pemiutang boleh meminta penghutang menyerahkan sesuatu barang gadaian kepada pemiutang sebagai jaminan kepada hutang yang dibuat. Dalam hal ini, kontrak hutang merupakan kontrak utama dan kontrak gadaian menjadi kontrak sampingan. Amalan gadaian sebegini telah ditonjolkan melalui amalan Nabi sebagaimana hadis di atas. Amalan meminjam wang dengan jaminan dalam bentuk harta adalah satu cara peminjaman wang yang dibenarkan oleh syarak. Malah, Islam menggalakkan penyerahan barang gadaian kepada pemiutang sebagai jaminan kepada hutang yang diberi sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah yang bermaksud:

Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh) sedangkan kamu tidak mendapati juru tulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang)

(Al Baqarah: 283)

Para ulama sepakat berpendapat bahawa gadaian adalah tidak wajib kerana berdasarkan kepada firman Allah yang bermaksud:

Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertakwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.

(Al Baqarah: 283).

Ijma' *fuqaha* telah bersepakat bahawa hukum melaksanakan amalan pajak gadai adalah harus jika memenuhi syarat sama ada ketika bermusafir mahupun tidak (Al-Zuhaili, 1989). Pendapat ini disokong oleh al-Qurtubi (1990) yang mengatakan keharusan gadaian ketika dalam musafir adalah berdasarkan nas al-Quran, manakala ketika bukan dalam keadaan

bermusafir adalah berdasarkan sunnah Rasulullah SAW (al-Qurtubi, 1990; Ibn Qudamah, t.th:292). Namun, terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan Mazhab Zahiriyah, Mazhab al-Ibadhiyah dan Mujahid yang menolak keharusan gadaian ketika bukan dalam keadaan bermusafir dan menganggapnya berbentuk *kafalah* iaitu jaminan atau cagaran (Jamal Abdul Nasir, 1990; Said, t.th:72). Walaubagaimana pun, pandangan fuqaha' dianggap sebagai ijma' para Muslimin bahawa keharusan *al-rahn* dikira dari pelbagai aspek. Oleh yang demikian, sebenarnya tidak wujud perbezaan pandangan yang besar bahkan perinciannya membawa kepada satu *ittifaq* bahawa amalan *al-rahn* adalah harus mengikut pensyariatan Islam (Yasin Ahmad Ibrahim, 1974).

KAJIAN LITERATUR

Hasil daripada sorotan literatur yang dibuat, terdapat penulisan yang membahaskan berkenaan *al-rahn* daripada aspek konsep, aplikasi produk dan kritikan terhadap *al-rahn*. Beberapa buah artikel dan jurnal antaranya yang ditulis oleh Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh (2008) menjelaskan isu-isu yang timbul dalam *al-rahn* dan menyimpulkan bahawa upah simpan barang dalam skim *al-rahn* di Malaysia yang diasaskan kepada konsep *wadi'ah yad damanah* adalah bertentangan dengan konsep dan hakikat *al-rahn* yang sebenar. Sementara itu, kajian yang dikarang oleh Khairul Anuar Ahmad, Nor Fadilah Bahari, Wan Shahdila Shah Shahar & Nurul Wajhi Ahmad (2019) menjelaskan lagi isu-isu Syariah berkaitan upah simpan, konflik dalam kontrak-kontrak yang digabungkan dan pengambilan manfaat dari *al-rahn*. Tambahan pula, kajian oleh Mohamed Fairouz Abdul Khir, Mohd Bahroddin Badri, Lokmanulhakim Hussain (2013) turut memberi kritikan terhadap beberapa isu Syariah yang timbul dalam kemudahan mikro kredit Islam berasaskan *rahn* yang kini popular di kalangan institusi kewangan Islam di Malaysia iaitu pada yuran penyimpanan yang dibebankan oleh bank kepada pelanggan berdasarkan prinsip *ijarah al-hifz* (wang simpanan) dan *wadi'ah yad al-damanah* (simpanan dengan jaminan). Berdasarkan penelitian pengkaji, kajian-kajian lepas di atas keseluruhannya menerangkan isu-isu Syariah yang timbul dari kontrak *ujrah* dan *wadi'ah yad dhamanah* sahaja, namun kajian yang menjelaskan berkaitan isu-isu yang timbul pada setiap kontrak dalam produk *al-rahn* masih lagi terhad.

Seterusnya, kajian oleh Lokmanulhakim Hussain dan Mohammad Mahbubi Ali (2017) memaparkan kerangka kerja aset *al-rahm* yang tidak patuh Syariah dan memberi analisis Syariah mengenai penggunaan pelbagai instrumen cagaran, termasuk aset kewangan seperti saham, amanah saham, akaun semasa dan akaun pelaburan yang tidak patuh Syariah. Manakala, Asiah Alkharib Shah dan Dziauddin Sharif (2018) mencadangkan satu kerangka konseptual kepatuhan Syariah bagi tadbir urus *al-rahm* di Malaysia dengan mencadangkan strategi pengurusan yang sesuai. Hasil kajian mendapati kepatuhan Syariah dalam tadbir urus *al-rahm* perlu disertai dengan empat unsur yang berpandukan konsep tauhidik dan pematuhan Syariah yang meliputi matlamat perkhidmatan, kerangka tadbir urus Syariah, pengurusan sumber manusia dan penawaran produk atau perkhidmatan. Akhir sekali, kajian oleh Nurul Huda, Azila dan Fidlizan (2015) membincangkan kepatuhan institusi terhadap amalan pajak gadai Islam khususnya melibatkan aspek gadaian, penebusan dan lelongan. Berdasarkan pemerhatian, kajian-kajian diatas memfokuskan berkaitan aset, tadbir urus dan pengurusan dalam produk *al-rahm* sahaja tanpa membincangkan isu-isu Syariah yang berbangkit. Seperti mana yang dijelaskan, masih terdapat kekurangan sumber literatur bagi kajian yang menumpukan isu-isu Syariah dalam pembiayaan produk *al-rahm* berdasarkan polisi Bank Negara Malaysia (BNM) yang dikeluarkan baru-baru ini mengatakan bahawa kontrak *al-rahm* di perbankan Islam di Malaysia adalah tidak patuh Syariah atas faktor-faktor tertentu. Jadi, kajian lanjut mengenai perkara ini dirasakan perlu dilaksanakan supaya dapat memberi penjelasan berkaitan isu-isu berbangkit dalam produk *al-rahm* dengan lebih terperinci.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bersifat kualitatif. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan kajian perpustakaan bagi pengumpulan data dan dianalisis menggunakan analisis kandungan. Kajian perpustakaan merujuk kepada data dan maklumat yang diambil melalui bahan-bahan kajian yang boleh didapati daripada perpustakaan. Kaedah ini digunakan untuk menguatkan dapatan yang sedia ada dengan merujuk kepada bahan bercetak seperti buku, kitab-kitab, kajian kontempori, makalah jurnal, laporan tahunan, tesis, disertasi, prosiding seminar, statut dan akhbar. Sebagai tambahan maklumat-maklumat lain yang berkaitan dicapai melalui rangkaian internet dan pangkalan data atas talian seperti laman sesawang.

untuk tujuan cagaran pinjaman (*al-rahm*). Bank akan membuat penilaian ke atas mutu dan ketulenan emas. Berdasarkan penilaian tersebut, Bank akan menentukan pinjaman yang layak diterima pelanggan. Sebagai contoh 70% daripada nilai emas yang dicagarkan. Kedua, pinjaman (*qard*) akan diberikan kepada pelanggan dalam jangka pendek setelah surat akuan gadaian ditandatangani. Ketiga, bank bertanggungjawab menyimpan dan memberi jaminan (*wadi'ah yad dhamanah*) ke atas barang gadaian supaya selamat dan terjamin. Akhir sekali, pelanggan akan membayar pinjaman dan upah (*ujrah*) yang dikenakan ke atas jaminan keselamatan dan simpanan barang gadaian ke atas pelanggan mengikut terma persetujuan (BNM, 2019).

Isu-isu Syariah yang Berbangkit daripada Produk Al-Rahn

Berdasarkan gambar rajah modus operandi produk pembiayaan *al-rahm* di atas, terdapat beberapa isu Syariah yang berbangkit. Antaranya isu yang ditimbulkan oleh Bank Negara iaitu isu keterikatan setiap kontrak dan isu penggabungan kontrak yang telah diputuskan di dalam Keputusan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia pada mesyuarat ke-194 bertarikh 25 Jun 2019 dan mesyuarat ke-195 bertarikh 31 Julai 2019. (BNM, 2019). Selain isu-isu di atas, terdapat isu Syariah lain iaitu caj upah simpan lebih dari kos sebenar dan isu memanfaatkan *marhun* yang timbul daripada produk pembiayaan *al-rahm* sedia ada.

1. Isu keterikatan setiap kontrak

Isu pertama yang timbul dalam produk *al-rahm* ialah isu keterikatan dan kebergantungan setiap kontrak. Keberkaitan dan kebergantungan kontrak *rahn*, *wadi'ah* dan *ujrah* dengan kontrak *qard* dalam struktur produk ini menimbulkan isu *qard jarra naf'an* (pinjaman yang menjana manfaat kepada pemberi pinjam) dan *bai' wa salaf* (gabungan kontrak jual beli dan pinjaman) yang tidak dibenarkan Syarak. Berdasarkan dalil Rasulullah s.a.w:

عن علي رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: كل قرض جر منفعة فهو ربا

Daripada Ali r.a berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Setiap qard yang menjana manfaat (kepada pemberi qard) adalah riba.

Dalam struktur produk ini, salah satu kontrak tidak akan efektif tanpa kewujudan kontrak lain. Sebagai contoh, dalam struktur produk *al-rah*n di atas menyatakan bahawa pelanggan akan mencagarkan aset gadaian berupa emas atau barang kemas kepada bank untuk tujuan cagaran pinjaman dan bank akan membuat penilaian ke atas mutu dan ketulenan emas tersebut untuk menentukan pinjaman yang layak diterima pelanggan. Seterusnya, pinjaman (*qard*) akan diberikan kepada pelanggan dalam jangka pendek setelah surat akuan gadaian ditandatangani. Ini bermaksud hanya pelanggan yang menyimpan dan mencagarkan emas mereka kepada bank sahaja layak untuk mendapatkan pinjaman dari bank, dan upah yang dikenakan bagi perkhidmatan penyimpanan emas bergantung kepada nilai emas yang dicagarkan. Berdasarkan amalan tersebut, didapati terdapat persyaratan dan kebergantungan yang jelas antara kontrak *qard* dan kontrak *ujrah* yang dimeterai antara pihak bank dan pelanggan yang mana ianya membawa kepada isu *qard jarra naf'an*. (SAC 195th & 194th Meeting Statement, 2019).

Sementara itu, produk *al-rah*n turut dikaitkan dengan larangan penggabungan jual beli dengan hutang (*bay' wa salaf*) sebagaimana hadis:

Maksudnya: Daripada 'Amru bin Shuaib daripada bapanya daripada datuknya: Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang penggabungan salaf (hutang) dengan jual beli, dua akad dalam satu transaksi (jual beli), dan keuntungan tanpa ada jaminan (tanpa mengambil risiko).

Sebagai contoh, seseorang berjanji untuk memberi hutang dengan syarat peminjam akan menyewa rumah milik pemiutang. Seperti yang disebutkan oleh Ibn Qudamah di mana larangan itu timbul apabila seseorang menetapkan syarat dalam pinjaman dengan menyewa rumah pemiutang (Ibnu Qudamah, 1997). Ini adalah dilarang oleh Nabi SAW kerana ianya membawa kepada riba. Sebab larangan *bay' wa salaf* adalah penetapan membuat penjualan (atau kontrak pertukaran lain) bersyarat atas kontrak pinjaman dan wakil-wakilnya. Adalah jelas bahawa larangan itu timbul apabila pelaksanaan kedua-dua kontrak itu dibuat bersyarat ke atas satu sama lain (*'uqūd mutaqa bilah*)

(Munawwaruzzaman Mahmud, Muhammad Hisyam Hassan & Nur Fathin Khairul Anuar, 2018). kontrak jual beli hanya berkuatkuasa sekiranya kontrak hutang dibuat, maksudnya ada unsur keterikatan antara satu kontrak dengan kontrak yang lain itu membawa kepada elemen riba.

2. Isu penggabungan kontrak

Isu yang kedua ialah penggabungan dua kontrak dalam satu akad terjadi apabila kontrak *qard* digabungkan dengan *ujrah* (upah simpan). Ini bertentangan dengan hadis nabi s.a.w:

Maksudnya: Tidak halal menggabungkan antara akad pinjaman dan jual beli, tidak halal dua persyaratan dalam satu jual beli, tidak halal keuntungan barang yang tidak dalam jaminanmu dan tidak halal menjual barang yang bukan milikmu.

(Hadis Riwayat al-Tirmidzi dan al-Albani)

Ijma' fuqaha juga telah mengharamkan penggabungan akad pinjaman dan jual beli. Al-Qarafi mengatakan bahawa akad jual beli dan hutang piutang yang terpisah kedua akad terpisah adalah diharuskan tetapi menggabungkan kedua-dua akad tersebut dalam satu akad adalah diharamkan kerana membawa kepada riba. Manakala, al-Zarkasyi dalam bab perbahasan *sadd al-zariah* menyatakan bahawa akad *ijarah* adalah sebahagian daripada akad jual beli, kerana hakikat *ijarah* ialah jual beli manfaat dan perkhidmatan. Justeru, menggabungkan akad *ijarah* dan *qard* adalah sama hukumnya seperti menggabungkan akad jual beli dan *qard* yang mana hukumnya dilarang sama sekali (Al-Zarkasyi, 2010).

Selain itu, isu penggabungan kontrak juga timbul apabila kontrak *rahn* digabungkan dengan kontrak *wadi'ah yad dhamanah* kerana kedua-dua kontrak ini dapat mengakibatkan hukum kedua-dua kontrak bertentangan dengan tujuan kontrak (*muqtada al-'aqd*) (Mohamed Fairooz, Badri & Hussain, 2012). Berdasarkan Standard No. 25 dalam Piawaian Syariah yang diterbitkan oleh Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial institutions (AAOIFI) telah menggariskan syarat-syarat berkenaan penggabungan kontrak atau kontrak hibrid yang dibenarkan iaitu:

- (a) Gabungan kontrak tidak boleh merangkumi kes yang dilarang secara jelas oleh Syariah. Contohnya, kontrak yang menggabungkan penjualan dan pinjaman menjadi satu kontrak;
- (b) Gabungan kontrak tidak boleh digunakan sebagai tipu daya untuk melakukan riba, seperti perjanjian antara dua pihak untuk mempraktikkan transaksi jual beli (*bay 'al-inah*) atau *riba al-fadl*;
- (c) Gabungan kontrak tidak boleh dijadikan alasan untuk mengamalkan riba;
- (d) Gabungan kontrak tidak boleh mempunyai perbezaan atau percanggahan berkaitan dengan peraturan dan tujuan utama mereka.

Syarat keempat di atas berkait dengan gabungan antara kontrak *rahn* dan *wadi'ah yad dhamanah* yang mana kedua-dua tujuan kontrak (*muqtada al-'aqd*) adalah berbeza. Berdasarkan keadaan ini, barang yang disimpan dalam kontrak *wadi'ah yad dhamanah* perlu dikembalikan atas permintaan pendeposit pada bila-bila masa. Manakala dalam kontrak *rahn*, marhun tidak dapat diambil kembali oleh pemilik atau penggadai pada bila-bila masa yang dia kehendaki kerana itu tidak akan memenuhi tujuan gadaian iaitu untuk menjamin jumlah pinjaman. Seperti yang dijelaskan di dalam struktur rajah di atas, pelanggan perlu membayar pinjaman dan upah (*ujrah*) yang dikenakan oleh bank ke atas jaminan keselamatan dan simpanan barang gadaian terlebih dahulu untuk mendapatkan barang gadaian kembali. Maka, ini bertentangan dengan tujuan kontrak (*muqtada al-'aqd*).

Konflik *muqtada al-'aqd* antara kedua-dua kontrak menyumbang kepada ketidakpatuhan Syariah. Akad *wadi'ah* di mana *mudi'* (yang menjaga wadiah) menjaganya atas permintaan pemilik barang. Malah pemilik barang telah meletakkan hartanya di bawah pengawasan *mudi'* bukan dengan niat sebagai cagaran atau jaminan kepada hutang tetapi semata-mata atas dasar menjaga barang tersebut. Ini berbeza dengan tujuan mahupun objektif kontrak *al-rahn* di mana

marhun yang diserahkan adalah sebagai cagaran atau jaminan untuk mendapatkan pembiayaan. Ini menunjukkan kedudukan barang gadaian di tangan pemegang gadai bukanlah terhasil daripada kontrak *wadi'ah*, tetapi ianya merupakan tuntutan daripada akad *al-rahn* itu sendiri. Oleh itu, menjadikan prinsip *wadi'ah yad damanah* sebagai asas bagi mendapatkan keuntungan dari caj upah simpan yang dikenakan oleh bank kepada pelanggan adalah tidak menepati hukum syarak (Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh, 2008). Di samping itu, kontrak *wadi'ah yad dhamanah* dalam produk *al-rahn* juga turut menyumbang kepada ketidakpatuhan Syariah di mana ianya merupakan helah atau muslihat untuk menghindari riba dengan adanya caj upah simpan yang dikenakan kepada pelanggan (Khairul Anuar Ahmad, Nor Fadilah Bahari, Wan Shahdila Shah Shahar dan Nurul Wajhi Ahmad, 2019).

3. Isu caj upah simpan lebih dari kos sebenar.

Isu yang ketiga ialah berkaitan caj upah simpan (*ujrah*) melebihi dari kos sebenar. Secara amnya, caj upah simpan yang dikenakan oleh perbankan Islam adalah secara harian, bulanan, dan tahunan dengan mengira peratusan tertentu pada nilai *marhun*, tetapi bukan pada jumlah pinjaman. Mengenakan caj upah simpan dalam konteks pembiayaan *rahn* dianggap sebagai sejenis faedah yang timbul dari pinjaman. Walaupun terdapat kadar *ujrah* yang tetap, bayaran yang dikenakan pada caj iaitu semakin tinggi jumlah *marhun* maka semakin tinggi jumlah pinjaman yang akan diperoleh pelanggan dan akibatnya jumlah *ujrah* yang lebih besar akan dikenakan (Ahmad Faizal, Mohammad Hatta & Kamis, 2017). Menurut mereka, amalan ini hampir sama dengan pinjaman yang diberikan oleh bank konvensional di mana semakin tinggi pinjaman, semakin tinggi keuntungan bank akan diperolehi kerana faedah bunga pinjaman tersebut. Kecuali faedah atau caj yang diperoleh menunjukkan kos sebenar pemberi pinjaman, faedah atau caj tersebut dianggap riba (AAOIFI 2015, Standard No. 9/1). Larangan memperoleh keuntungan dari kontrak pinjaman dinyatakan dalam hadis yang berbunyi:

كل قرض جر نفعاً فهو ربا

Maksudnya: Setiap pinjaman yang memberi faedah (kepada pemiutang) dianggap sebagai riba. (Abu al-Jahmi, No. 92; Al-Ḥarīth, Musnad al-Ḥarīth, No. 437; al-Daylami, al-Firdaus, No. 4778).

Ujrah pada marhun tidak dibenarkan dari sudut pandangan Syariah dengan alasan bahawa pemegang gadai berhak atas kos sebenar tetapi bukan bayaran. Mengenakan kos penyelenggaraan (nafqah) sebenar untuk marhun boleh diterima berdasarkan hadis yang dikutip oleh al-‘Asqalani yang dilaporkan dari binammad bin Salamah di Jami ’yang berbunyi:

إذا ارتهن شاة شرب المرتهن من لبنها بقدر علفها ، فإن استفضل من اللبن بعد ثمن العلف فهو ربا

Maksudnya: Apabila seekor biri-biri itu telah digadai, pemegang gadai boleh meminum susunya sekadar perbelanjaan makan minum yang telah dikeluarkan untuk binatang tersebut. Sekiranya susu yang diambil itu lebih daripada kadar yang telah dibelanjakan maka ia adalah riba (Fath al-Bari, Kitab al-Rahn, Bab al-rahṅ markub wa maḥlub, No. 144).

Berdasarkan huraian di atas, dapat dijelaskan bahawa kos penjagaan yang perlu dibayar balik oleh penggadai tidak boleh melebihi kos sebenar yang telah dikeluarkan oleh pemegang gadai. Ini kerana apa yang dituntut daripada penggadai adalah hutang kerana pemegang gadai mendahulukan wangnya bagi perbelanjaan barang gadaian berkenaan. Oleh itu sangat tidak wajar bagi pemegang gadai untuk menuntut lebih daripada perbelanjaan yang telah dikeluarkannya.

Justeru, pihak pemegang gadai sebenarnya boleh mengenakan bayaran atau caj tertentu kepada penggadai. Bayaran atau caj yang dikenakan sebenarnya bukan sebagai upah penjagaan atau bukan berasaskan konsep *wadi’ah* sebagaimana yang dilaksanakan hari ini, namun ianya berasaskan kepada tuntutan ke atas segala perbelanjaan yang dikeluarkan oleh pemegang gadai.

4. Isu memanfaatkan *marhun*

Isu yang keempat ialah isu memanfaatkan *marhun* yang timbul daripada produk pembiayaan *al-rahn* sedia ada. Keberadaan barang gadaian di tangan pemegang gadai hanyalah sebagai kepercayaan dalam hutang piutang antara penggadai dan pemegang gadai, bukan bererti pemegang gadai memilikinya atau berhak memanfaatkannya (Taqiyuddin An-Nabhani, 2003; wahbah al-zuhaili, 1989). Berdasarkan hadis rasulullah s.a.w:

Maksudnya: Dari Anas dia berkata, Rasulullah s.a.w ditanya: Seorang laki-laki dari kami meminjamkan (qard) harta kepada saudaranya, lalu saudaranya memberi hadiah kepada laki-laki itu. Maka rasulullah bersabda, jika salah seorang daripada kalian memberikan pinjaman (qard), lalu dia diberi hadiah, atau dinaikkan ke atas kenderaan si peminjam, maka janganlah dia menaikinya dan janganlah menerimanya. Kecuali hal itu sudah menjadi kebiasaan sebelumnya di antara mereka. (Hadis Riwayat Ibnu Majah).

Berdasarkan hadis ini, haram hukumnya pemegang gadai memanfaatkan barang gadai, jika hutangnya berupa *qard*, kecuali jika sebelumnya di antara mereka berdua sudah terbiasa saling memberi atau meminjamkan barang, maka hukumnya dibolehkan (Taqiyuddin, 2003). Manakala Asy-Syirazy bermazhab syafie berkata, “jika seseorang mengajukan sebuah syarat dalam gadaianya yang menegaskan tujuan dari akad gadai, seperti berkata “saya menggadaikan barang untukmu tapi dengan syarat saya tidak akan menyerahkannya kepadamu, atau dengan syarat memberi manfaat kepadamu dan anakmu, maka syarat tersebut adalah batal berdasarkan sabda nabi s.a.w:

Maksudnya: setiap syarat yang tidak ada dalam kitabullah adalah batil, walaupun seratus syarat. (Al-majmu’ Syarah Al Muhadzdzab, 2008)

Oleh itu, dalam kes ini walaupun penggadai itu sendiri yang menyebut kepada penerima gadai, “aku gadaikan kereta aku kepada engkau dan

kau boleh memanfaatkannya,” tetap batil kerana bentuk gadaian dan pinjaman yang mendatangkan manfaat. Jika gadaian ini diberikan untuk jaminan kepercayaan transaksi hutang piutang, pemberi hutang sama sekali tidak boleh memanfaatkan barang gadaian, meskipun telah diizinkan rahin kerana ini adalah riba. Kerana setiap hutang yang memberikan keuntungan, maka itu adalah riba. Bahkan Imam Ahmad berkata, itu riba murni. Ibnu Qudamah mengatakan:

Imam Ahmad mengatakan, “saya membenci menggadaikan rumah, dan itu riba murni.” Maksud beliau, jika rumah dijadikan barang gadai untuk hutang, dan dimanfaatkan oleh murtahin (pemberi hutang).

Namun begitu, sekiranya gadai selain hutang seperti jaminan untuk transaksi jual beli yang belum lunas atau jaminan dalam akad sewa-menyewa, maka pemberi hutang boleh memanfaatkan barang gadai jika pemilik barang mengizinkan. Ini merupakan pendapat yang diriwayatkan dari Hasan al-Bashri dan Muhammad bin Sirin (al-mughni, 2006). Maka, dapat dilihat dalam produk *al-rahn* yang diamalkan oleh perbankan Islam sebelum ini adalah tidak memenuhi tuntutan syarak kerana wujud elemen memanfaatkan *marhun* (barang gadaian) dengan cara mengenakan caj upah simpan terhadap pelanggan disebabkan oleh kontrak *wadi'ah yad dhamanah* iaitu apabila pelanggan menyerahkan hartanya iaitu emas atau barang kemas kepada bank sebagai jaminan ke atas pinjaman. Namun begitu, seperti yang dijelaskan oleh Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh (2008) kontrak wadiah tidak relevan kerana pemegang gadai sememangnya diberi hak untuk meletakkan barang gadaian dalam pengawasannya berasaskan kontrak *al-rahn* itu sendiri. Selain itu, amalan memanfaatkan kontrak *qard* melalui caj upah simpan dalam konteks ini bertentangan dengan Piawaian 15.3 (b) Polisi Dokumen Rahn oleh BNM (2018).

KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN

Daripada perbincangan di atas dapat disimpulkan bahawa produk *al-rahn* yang dahulu pada tahun 1992 sehingga tahun 2019 adalah tidak patuh syariah disebabkan elemen-elemen yang wujud seperti *qard jarra naf'an* dan *bay*

wa salaf yang menyebabkan bank mahupun institusi kewangan meraih keuntungan daripada transaksi *al-rah*n berkenaan. Jelas dalam Islam bahawa, gadaian hanya berfungsi sebagai jaminan kepada bayaran balik hutang berkenaan dan bukannya saluran yang dibenarkan syarak untuk mencari keuntungan. Melihat kepada larangan ini, maka produk-produk *al-rah*n telah dimodifikasi dengan penambahan kontrak kepada tawarruq bagi memenuhi keperluan Syariah sebagaimana yang telah dipersetujui oleh penasihat Syariah BNM. Hal ini sangat berkait rapat dengan kaedah fiqh “ لا يُنكَّرُ تَغْيِيرُ الْأَحْكَامِ بِتَغْيِيرِ الْأَزْمَانِ ” yang bermaksud tidak diingkari berlakunya perubahan hukum disebabkan perubahan masa. Daripada kaedah fiqh di atas, boleh difahami perubahan hukum boleh terjadi disebabkan perubahan masa dan merupakan suatu perkara yang diperakukan, diterima pakai lagi *tsabit*. Dan ia merupakan sunnatullah dalam pensyariaan kepada hamba-hamba-Nya (Shaykh Ahmad al-Zarqa 1993). Justeru, Syariat Islam tidak memberikan perincian secara ketat dalam bidang muamalat yang dinamik dan berubah. Jika dilihat dalam bidang muamalat, nas syarak hanya menurunkan dalil yang bersifat ijmaliiy atau umum sahaja sementara aspek perinciannya dipulangkan kepada manusia mengikut kesesuaian suasana, masa dan tempat asalkan menetapi dasar dan prinsip syariat (Abd al Karim 1987; Abd al-Wahhab Khallaf t.t.; al-Zuhayli 2003; al-Qaradawi 2002).

Berdasarkan pemerhatian pengkaji, setakat April 2021, terdapat lima buah institusi perbankan Islam yang menawarkan produk *al-rah*n yang telah dimodifikasi, iaitu Bank Rakyat, Bank Islam, Bank Muamalat, Agrobank dan Coop-Pertama Bank. Produk *al-rah*n merupakan solusi terbaik buat masyarakat Muslim di Malaysia khususnya peniaga yang mengusahakan PKS. Berbekalkan aset barang kemas mahupun emas yang dimiliki, mereka boleh memohon pembiayaan bagi mendapatkan modal dengan kadar caj upah simpan yang rendah berbanding mendapatkan pembiayaan peribadi. Selain PKS, individu yang mengalami kesempitan wang turut memilih produk *al-rah*n bagi menyelesaikan masalah kesempitan wang berbanding memohon pinjaman daripada Ah long. Walaupun begitu, terdapat beberapa kritikan amalan tawarruq di Malaysia seperti isu kesahan tujuan kontrak, isu helah kepada riba, isu persamaannya dengan kontrak *bay 'inah*, isu bank sebagai ejen dan isu-isu lain. Berdasarkan situasi ini, maka satu kajian perlu dijalankan untuk menilai produk *al-rah*n yang pernah ditawarkan sebelum polisi dokumen *al-rah*n berkuatkuasa dan membandingkannya dengan produk *al-rah*n yang telah diubah suai menggunakan kontrak tawarruq.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan jutaan terima kasih kepada *Journal of Contemporary Islamic Studies* (JCIS) Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Shah Alam kerana menyediakan platform dan mengizinkan penulis untuk berkongsi hasil kajiannya.

RUJUKAN

Abd al-Karim Zaydan. (1987). *al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.

Abd al-Wahhab Khallaf. (t.t). *Ilm Usul al-Fiqh*. Damsyik: Dar al-Qalam.

Abdul Nasir, Abdul Rani. (2013). Konsep dan Aplikasi Kos Sebenar dalam Institusi Kewangan Islam. *Muzakarah Cendekiawan Syariah Nusantara ke-7*, Hotel Fairmont, Singapura.

Abi Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari al-Qurtubi. (1990). *Jami al-Ahkamu al-Quran*. Juz. 3. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-Arabi.

Abd Mu'min Ab. Ghani. (1996). Sejarah Perkembangan Riba dalam Tamadun Manusia, *Jurnal Syariah* 4 (1):124.

Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf al-Nawawi. (2008) *Al-Majmu' Syarah Al Muhadzdzab*. Juz. 12. Beirut: Darul fikr

Ahmad Faizal, Mohd Shater, Mohammad Firdaus Mohammad Hatta, and Mohd Sham Kamis. (2017). The Attainment of Classical Rulings of Al-rahn within the Contemporary Islamic Pawn Broking in Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* (ACER-J) 1 (2):33-52.

Ahmad Muhammad Al-Zarqa. (1993) *Syarh al-Qawa'id al-fiqhiyyah*, Mustafa Ahmad Al-Zarqa'. Damsyik: Dar al-Qalam, 227-228.

- al-Qaradawi. (2002). *Dawr al-Qiyam wa al-Akhlaq fi al-Iqtisad al-Islamiyy*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Anisah Mohammad. (1998). Pelaksanaan Sistem Gadaian Islam: Kajian Kes Ke Atas Kedai Ar-Rahn di Kelantan. *Kertas Projek, Fakulti Ekonomi Dan Pentadbiran, Universiti Malaya*.
- Asmadi Mohamed Naim. (2002). Skim Al-Rahn-Antara Keaslian dan Penyelesaian Semasa Menurut Perundangan Islam. *Jurnal Pembangunan Sosial*. 4 & 5: 141-166.
- Azizah binti Othman, "Pelaksanaan Al-Rahnu Di Institusi Perbankan Dan Bukan Perbankan Di Malaysia" (Tesis Kedoktoran, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2015)
- Azman, Mohd Noor, and Muhamad Nasir Haron. (2016). A Framework for Determination of Actual Costs in Islamic Financing Products. *Journal of Islamic Finance* 5 (2):37-52.
- Bank Islam. 2020. Ar-Rahnu Tawarruq. Bank Islam Malaysia Berhad, dicapai pada 23 Mac 2021. <https://www.bankislam.com/personal-banking/ar-rahnu-tawarruq/>
- Bank Muamalat. 2021. Ar Rahnu, Islamic Pawn Broking (Tawarruq). Bank Muamalat Malaysia Berhad, dicapai pada 28 Mac 2021. <https://www.muamalat.com.my/consumer-banking/ar-rahnu-2/>
- Bank Rakyat. 2020. Pajak Gadai-i. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, dicapai pada 15 Nov 2019. https://www.bankrakyat.com.my/c/perbankan/pembiayaan_i/pajak_gadai_i-39/pawn
- Bhatt, Payal, and Jothee Sinnakkannu. (2008). Ar-Rahnu (Islamic Pawning Broking) Opportunities and Challenges in Malaysia. *6th. International Islamic Finance Conference 2008*.
- BNM. (2010). *Shariah Resolutions in Islamic Finance*. 2 ed. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

BNM. (2016). *Qard Policy Document*. In BNM/RH/PD 028-7. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

BNM. (2018). *Rahn Policy Document*. In BNM/RH/PD 028-79. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

BNM. (2019). The Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia 194 & 195. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Dr. Wahbah Al-Zuhaili. (1989). *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatu*. Juz. 5. Dimashq: Darul Fikri.

Habeebah Simisola Fa-Yusuf and Ndeye Djiba Ndiaye. (2017). Issues with the Use of Tawarruq in Malaysia. *Journal of Islamic Banking and Finance*. 5 (2): 30-36.

Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. (t.t.) *al-Mughnī*. Juz. 4. Al-Qahirah: Maktabah al-Qahirah.

Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad. (1997) *al-Mughnī*. Riyadh: Dar ‘Ālam al-Kutub.

Jamal Abdul Nasir al-Fiqhiah. (1990). *Mausuah al-Fiqh al-Islami*. Misr: al-Majlis al-Ala li Shu’un al-Islamiyah.

Kamarulzaman Sulaiman. (2013). *Konsep dan Kedah Al-Rahnu Di Malaysia*. Shah Alam: Penerbit UiTM, 5.

Lokmanulhakim Hussain dan Mohammad Mahbubi Ali. (2017). Shariah non-compliant assets as *rahn* (pledge) in Islamic banking products: a *fiqhi* perspective. *ISRA International Journal of Islamic Finance*. 9 (2): 196-199.

Khairul Anuar Ahmad, Nor Fadilah Bahari, Wan Shahdila Shah Shahaar and Nurul Wajhi Ahmad. (2019). An Overview of The Shariah Issues of Rahn-Based Financing in Malaysia, *Journal of Muwafaqat* 2 (1):15-29.

Majma' al-Fiqh al-Islāmī. (1992). *Bay' al-Wafa'*. Kingdom of Saudi Arabia: Majma' al-Fiqh al-Islami.

Mohamed Fairouz, Abdul Khir, Mohd Bahroddin Badri, and Lokmanulhakim Hussain. (2012). Critical Appraisal of the Rahn-based Islamic Microcredit Facility. *Kuala Lumpur: International Shariah Research Academy in Islamic Finance*.

Mohd Noor Sukrie Mohd Ridzuan, “Penilaian terhadap Skim Ar-Rahnu PRIMAS di Koperasi Nasional Malaysia Berhad dari perspektif Islam” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016).

Muhammad ibn Yusuf bin ‘Ali ibn Yūsuf ibn Hayyan. (2010). *al-Bahr al-Muhith fi tafsir* juz 8. Beirut: Darul fikr.

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher, “Penerimaan pelanggan terhadap skim pajak gadai Islam (al- Rahn): kajian di kedai Ar Rahn Bank Rakyat cawangan Alor Setar, Kedah” (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).

Munawwaruzzaman Mahmud, Muhammad Hisyam Hassan dan Nur Fathin Khairul Anuar. (2018). Bay' wa salaf in Islamic banking current practices, *ISRA International Journal of Islamic Finance* 10 (2): 209.

Mustafa Dakian. (2005) Sistem Kewangan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 105.

Noor Saliza Zainal dan Zulkifli Mohd Yusof. (2008). Perbankan Islam di Malaysia. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), Universiti Teknologi Mara, 5.

Nurasyraf Fahmi Azahari dan Asma Hakimah ab. Halim. (2019). Ar-Rahnu dan Amalan di Malaysia. Bangi: Penerbit UKM, 22.

Nur Azura Sanusi dan Mohamad Shukri Johari. (2006). Prestasi perkhidmatan ar-rahnu: Kajian kes MGIT. (*Kertas kerja dibentangkan di National Seminar in Islamic Banking and Finance: Islamic Wealth Management, Prospects, Issues and Challenges*, Serdang, Selangor) 29–30.

- Nur Hayati, Rasmi, and Ruzian Markom. (2014). An Overview on Implementation of Ar-Rahnu in Malaysia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke-9 (PERKEM ke-9)*, Kuala Terengganu.
- Nurul Huda Md Yusuff, Azila Abdul Razak dan Fidlizan Muhammad. (2015). Kepatuhan Proses Gadaian Dalam Sistem Pajak Gadai Islam di Malaysia. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*. 9: 57-74.
- Sabri Ahmad, “Ar-Rahnu Pajak Gadai Islam Pertama di Dunia” Laman Sesawang Emaskini dicapai 26 Oktober 2019, <https://www.emaskini.com/ar-rahnu-pajak-gadai-islam-pertama-di-dunia/>
- SAC 195th & 194th Meeting Statement, (2019). Kuala Lumpur. Bank Negara Malaysia.
- Sastra Mihajat, Muhammad Iman. (2015). Hybrid Contract in Islamic Banking and Finance: A Proposed Shariah Principles and Parameters for Product Development. *EJBM-Special Issue: Islamic Management and Business* 7 (16):89-99.
- Shamsiah Mohamad dan Safinar Salleh. (2008). Upah Simpan Barang dalam Skim Ar-Rahnu: Satu penilaian Semula. *Jurnal Fiqh Apium*. 5: 48-65.
- SKM. (2013). *GP25: Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu)*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Koperasi Malaysia.
- Syairazi Muhammad Husni and Rusni Hassan. 2018. Comparing the Concept of Rahn and Debenture in Islamic Finance Perspective, *e-Proceedings of the Global Conference on Islamic Economics and Finance*. 99-111.
- Taqiuddin an-Nabhani. (2003). *Al-Syakhshiyah Al-Islamiyah* juz 2. Beirut: Darul ummah.
- Yasin Ahmad Ibrahim. (1974). *Nazriyatu al-Gharar*. Juz. 2. *Manshurah Wazaratu al-Auqaf Wa al-Shu'un Wa al-Muqaddisat al-Islamiyah*.